

# NOTIS PEMBERITAHUAN

## KEKOSONGAN DAN PEMILIHAN AHLI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

### DI BAWAH SEKSYEN 3A(1)(g) AKTA PERUBATAN 1971

Sukacita dimaklumkan, terdapat satu (1) kekosongan jawatan dalam Majlis Perubatan Malaysia (MPM) di bawah Seksyen 3A(1)(g) Akta Perubatan 1971 bagi mewakili **Negeri Sarawak**. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Perubatan 2017, di bawah Akta tersebut, satu pemilihan untuk mengisi kekosongan tersebut akan diadakan pada **Jun 2024**.

Bagi tujuan tersebut hanya Pengamal Perubatan warganegara Malaysia yang mempunyai Perakuan Amalan Tahunan semasa (**PAT 2024**) yang sah permohonannya dengan alamat tempat amalan utama di **Negeri Sarawak** adalah layak untuk dicalonkan.

Pencadang dan penyokong merupakan Pengamal Perubatan **warganegara Malaysia** yang juga mempunyai Perakuan Amalan Tahunan (**PAT 2024**) semasa yang sah dengan alamat tempat amalan utama di **Negeri Sarawak**.

Borang Penamaan Calon (**Borang 1**) boleh didapati daripada **Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Perubatan Malaysia**, di alamat Aras 1, Blok C, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur ataupun dimuat turun daripada laman sesawang rasmi Majlis Perubatan Malaysia iaitu [mmc.gov.my](http://mmc.gov.my).

Borang Penamaan Calon berserta maklumat kelayakan (**satu muka surat CV bersaiz A4** termasuk kelayakan) dan **sekeping gambar rasmi berwarna terkini yang berukuran passport (3.5cm x 5cm)** hendaklah sampai kepada **Pegawai Pengurus, Majlis Perubatan Malaysia**, di alamat Aras 1, Blok C, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur secara **Serahan Tangan, Pos** atau **diemelkan** kepada alamat [election@mmc.gov.my](mailto:election@mmc.gov.my) tidak lewat daripada **Jam 4.00 petang** pada **5 April 2024 (Jumaat)**. Permohonan yang lewat akan ditolak.

Sebagai makluman, **warganegara Malaysia** yang merupakan **Pengamal Perubatan Berdaftar yang hanya mempunyai PAT 2024 sehingga 30 April 2024** (berdasarkan rekod MPM), dan menyenaraikan **Negeri Sarawak** sebagai **tempat amalan utama** mereka adalah **layak mengundi**. Pengamal adalah dinasihatkan untuk menyenaraikan nama majikan/institusi berserta butiran Jabatan atau Klinik mereka sebagai tempat amalan utama di PAT.

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
PEGAWAI PENGURUS  
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

TEL: 03-2691 2171

# NOTICE

## ELECTION FOR THE VACANCY IN THE MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL

### UNDER SECTION 3A(1)(g) OF THE MEDICAL ACT 1971

It is hereby announced that there will be a vacancy in Malaysian Medical Council (MMC) for one (1) elected member to represent the **State of Sarawak** under Section 3A(1)(g) of the Medical Act 1971. In accordance with the Medical Regulations 2017 enacted under the said Act, an election to fill this vacancy shall be held in **June 2024**.

For this purpose, all fully Registered Medical Practitioners who are Malaysian citizens possessing a current Annual Practising Certificate (**APC 2024**) stating their principal address of practice in the **State of Sarawak** are eligible to be nominated to fill this vacancy.

The nominee shall be proposed and seconded by fully Registered Medical Practitioners who are also Malaysian citizens possessing a current Annual Practising Certificate (**APC 2024**) stating their principal address of practice in the **State of Sarawak**.

Nomination Form (**Form 1**) may be obtained from the **Chief Executive Officer, Malaysian Medical Council**, at 1<sup>st</sup> Floor, Block C, Jalan Cenderasari 50590, Kuala Lumpur or could be downloaded from MMC website at [mmc.gov.my](http://mmc.gov.my).

All nomination with a curriculum vitae (**one-page A4 size CV** including qualifications) and a **recent passport sized (3.5cm x 5cm) colour photograph** should reach the Returning Officer, Malaysian Medical Council, at 1<sup>st</sup> Floor, Block C, Jalan Cenderasari 50590 Kuala Lumpur **By Hand, Post** or **Email** [election@mmc.gov.my](mailto:election@mmc.gov.my) not later than **4.00 pm** on **5<sup>th</sup> April 2024 (Friday)**. Late applications shall be rejected.

**Please take note, ONLY Malaysians who are Registered Medical Practitioners having an APC year 2024 up till 30<sup>th</sup> April 2024** (based on the MMC records), listing **State of Sarawak** as their **main place of practice**, will be **eligible to vote**. Practitioners are advised to list their employer/institution with details of their departments or clinics as the main place of practice in their APC.

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
RETURNING OFFICER  
MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL

TEL: 03-2691 2171